

## Penurunan kadar tol tak jejaskan perolehan PLUS

**Langkawi:** Kedudukan kewangan PLUS Malaysia Bhd (PLUS) dijangka tidak akan terjejas susulan penurunan kadar tol lebuhraya miliknya mulai 1 Februari ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, PLUS sudah membuat pengakuan kepada kerajaan akan mengurangkan tol lebuhraya dan tidak akan menaikkan kadarnya selama 38 tahun.

Syarikat itu juga akan mempunyai perolehan mencukupi daripada hasil kutipan tol bagi membiayai kerja penyelenggaraan lebuhraya pada masa hadapan.

"Kita percaya bahawa penggunaan lebuhraya akan terus me-

ningkat pada masa hadapan dan ia akan menambah pendapatan Khazanah Nasional.

"PLUS juga mempunyai pendapatan tambahan lain, selain tol melalui iklan dan lain-lain kemudahan miliknya di lebuhraya," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja ke Loji Rawatan Kumbahan Pantai Tengah di sini.

Khamis lalu, Dr Mahathir mengumumkan PLUS tidak akan dijual dan pemilikannya dikekalkan di bawah Khazanah dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Serentak itu, kadar tol lebuhraya

kendalian PLUS juga akan diturunkan sebanyak 18 peratus mulai 1 Februari ini dan kadar itu kekal hingga tempoh konsesi lanjutan tamat pada 2058.

Penurunan kadar tol itu membolehkan semua lebuhraya kendalian PLUS dengan hasrat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Media sebelum ini melaporkan lima pembida mengemukakan tawaran rasmi mengambil alih PLUS, iaitu RRJ Capital, Widad Group Bhd, Maju Holdings Sdn Bhd dan ahli perniagaan, Tan Sri Halim Saad, serta Koperasi Konsortium Pemaju dan Kontraktor Bumiputera Perak Bhd (KKPPB).